

13 MAR 1999

Mahathir-maklumat

BUAT LAPORAN SEBENAR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pertubuhan berita agar memberikan maklumat sebenar dalam laporan mereka, kerana maklumat yang tidak benar boleh menimbulkan kerosakan kepada orang lain termasuk ekonomi sesebuah negara.

Dr Mahathir berkata maklumat yang tidak benar, berat sebelah atau tidak tepat boleh membuatkan kerajaan, syarikat dan pelabur membuat keputusan yang salah, yang mempunyai kesan tidak baik.

Memberikan contoh, beliau berkata laporan tidak benar berkaitan jerebu yang melanda Malaysia pada tahun 1997, menyebabkan sektor pelancongan negara mengalami kerugian besar, berikutan agensi-agensi berita tidak memberitahu dunia masalah itu telah tamat.

"Kita berharap agensi berita akan membuat laporan yang sebenar," katanya semasa merasmikan pejabat baru Bloomberg (Malaysia) Sdn Bhd di Menara Berkembar Petronas, bangunan yang tertinggi di dunia, di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), di sini.

Dr Mahathir berkata pelancong yang datang ke sini kagum dengan keamanan di Malaysia, tiada kekacauan kaum, rusuhan dan kekurangan makanan, berbeza daripada apa yang mereka dengar.

"Ramai yang takjub dengan apa yang mereka lihat di Malaysia, ini menunjukkan mereka tidak mendapat maklumat yang tepat," katanya.

Dr Mahathir berkata laporan tidak tepat oleh agensi berita tidak membantu sesiapa termasuk mereka sendiri, kerana ini akan membuatkan pelanggan menamatkan langganan perkhidmatan mereka.

Dr Mahathir juga berkata penganalisis juga harus mengawal diri daripada memberikan pendapat sendiri, berat sebelah ataupun kecenderungan politik apabila membuat ulasan yang boleh memberi kesan kepada pasaran.

Bloomberg adalah syarikat perkhidmatan berita dan media yang memberikan khidmat kepada pelanggan di 100 negara, ia memulakan operasi dalam tahun 1990.

Bloomberg beribu pejabat di New York dan mempunyai kakitangan lebih dari 4,500 orang, membabitkan 10 pejabat jualan dan 80 biro berita di seluruh dunia.

-- BERNAMA

MAM/ARA AD RM RI